

TERHAD



GALLARY

## i-MODUL KECEMERLANGAN SPM SMKA 2025

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

## SEJARAH

1249/1

Kertas 1  
Ogos/Sept.  
1 jam

Satu Jam

### JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Kertas jawapan objektif hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah]

1249/1 © Hak Cipta Majlis Pengetua SMKA

TERHAD

1. Kerajaan Majapahit mengamalkan undang-undang *Kutara Manawa*.  
Apakah kepentingan undang-undang tersebut?
  - A Memupuk perpaduan
  - B Menjamin kesetiaan rakyat
  - C Memastikan kesejahteraan kerajaan
  - D Mengukuhkan kedudukan pemerintah
2. Wilayah pengaruh yang luas membuktikan kewibawaan pemerintah Kesultanan Melayu Melaka.  
Bagaimanakah Lingga, Patani dan Kedah diperoleh?
  - A Perjanjian
  - B Penaklukan
  - C Perdagangan
  - D Perkahwinan
3. John Locke telah mempopularkan prinsip raja berperlembagaan melalui karya “*Two Treatises of Government*”.  
Apakah tindakan beliau untuk menyokong prinsip tersebut?
  - A Menolak konsep raja berkuasa mutlak
  - B Menyokong golongan radikal
  - C Membentuk sistem monarki
  - D Menamatkan demokrasi
4. Maklumat berikut adalah karya kreatif Ishak Haji Muhammad atau Pak Sako.

- Anak Mat Lela Gila
- Putera Gunung Tahan

- Bagaimanakah Pak Sako mampu membangkitkan kesedaran nasionalisme melalui karya yang ditulisnya?
- A Menyindir penjajah dan mengingatkan kepentingan kebebasan
  - B Menyeru orang Melayu meningkatkan taraf pendidikan
  - C Memperjuangkan nasib bangsa
  - D Menyekat pengaruh barat

[Lihat halaman sebelah]

5. Apakah faktor tercetusnya Perang Dunia Pertama di Eropah?
- A Pembentukan ideologi baharu
  - B Kegagalan Liga Bangsa – Bangsa
  - C Persaingan antara kuasa imperialis
  - D Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles
6. Maklumat berikut merujuk kepada rundingan yang diadakan selepas kekalahan Jepun di Tanah Melayu.

Tarikh	Wakil	Lokasi
Ogos 1945	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dato' Onn Jaafar dan Kiai Salleh</li><li>• Ketua Bintang Tiga</li></ul>	Dewan Perniagaan Cina Batu Pahat, Johor

- Apakah kesan daripada usaha tersebut?
- A Mengembalikan keamanan di Johor
  - B Mengeratkan hubungan antara kaum
  - C Mengiktiraf kewibawaan pemimpin Melayu
  - D Mengukuhkan kerjasama dalam pentadbiran
7. Mengapa British memperkenalkan pentadbiran British Military Administration (BMA) di Tanah Melayu?
- A Memajukan Tanah Melayu
  - B Mengelakkan pengaruh luar
  - C Memulihkan kepercayaan rakyat
  - D Menjamin ekonomi penduduk tempatan
8. Pada 1 Julai 1946, Sarawak telah diserahkan kepada Kerajaan British.
- Apakah kesan penyerahan tersebut kepada negeri Sarawak?
- A Taraf Sarawak sebagai negeri naungan
  - B Menjamin keamanan Sarawak
  - C Mengelakkan kedaulatan Sarawak
  - D Sarawak menjadi tanah jajahan British

[Lihat halaman sebelah]

9. Apakah cadangan Jawatankuasa Kerja 1946?

- I Menjaga keistimewaan orang Melayu
- II Meningkatkan ekonomi orang Melayu
- III Melonggarkan syarat kewarganegaraan
- IV Memulihkan kedudukan Raja-raja Melayu

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

10. Mark Adam dilahirkan di New Zealand. Ayahnya merupakan Rakyat Raja.

Bagaimanakah beliau boleh mendapatkan taraf kerakyatan Tanah Melayu?

- A Secara pendaftaran
- B Secara naturalisasi
- C Melalui persetujuan pemerintah
- D Menggunakan kuat kuasa undang-undang

11. Mengapa penduduk di pinggir hutan dipaksa berpindah ke Kampung Baru?

- A Memperbaiki taraf hidup
- B Melemahkan pergerakan komunis
- C Merancakkan pembangunan ekonomi
- D Memastikan kehidupan yang lebih selesa

12. Apakah maksud 'Kawasan Putih' yang diperkenalkan oleh British?

- A Bebas ancaman komunis
- B Bekalan makanan disediakan
- C Dilengkapi kemudahan awam
- D Tempat tinggal dikawal ketat

[Lihat halaman sebelah

13. Mengapakah Kesatuan Melayu Muda (KMM) memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya?
- A Memelihara hak peribumi
  - B Menjamin ketuanan Melayu
  - C Mengkalkan adat orang Melayu
  - D Menyatukan rumpun orang Melayu
14. Apakah fungsi ahli dalam Sistem Ahli yang telah ditubuhkan pada tahun 1951?
- A Menggubal perlembagaan
  - B Mencadangkan undang-undang
  - C Menyelesaikan isu perkauman
  - D Meninjau pandangan masyarakat
15. Lim An merupakan warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang mahu mengundi dalam Pilihan Raya Perundangan Persekutuan 1955.
- Apakah syarat yang beliau harus ikuti?
- A Berusia 21 tahun ke atas
  - B Menjadi ahli politik bebas
  - C Mahir menggunakan bahasa Melayu
  - D Bermastautin selama sebulan di Tanah Melayu
16. Apakah implikasi penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1955 kepada rakyat tempatan?
- A Mengadakan proses pilihan raya
  - B Mengambil alih pentadbiran negara
  - C Mencetuskan hak kebebasan bersuara
  - D Menggubal perlembagaan negara merdeka

[Lihat halaman sebelah]

17. Antara berikut, yang manakah wakil Raja-raja Melayu dalam rundingan London 1956?

- I Tunku Abdul Rahman
- II Dato' Nik Ahmad Kamil
- III Dato' Abdul Wahab Aziz
- IV Dr. Ismail Abdul Rahman

- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
18. Maklumat berikut berkaitan jawatan Yang di-Pertuan Agong mengikut memorandum Raja-raja Melayu untuk dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

- Ketua Negara Persekutuan Tanah Melayu
- Dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekanan
- X

X merujuk kepada

- A Mengawal ekonomi bumiputera
  - B Memelihara kedudukan orang asli
  - C Menjaga kepentingan sah kaum lain
  - D Meluluskan kewarganegaraan kaum imigran
19. Maklumat berikut berkaitan pendapat seorang tokoh tentang pengertian kemerdekaan.

Kemerdekaan merangkumi politik, ekonomi dan moral.  
Setiap negara berhak menguruskan sendiri negaranya.

Pendapat di atas diungkapkan oleh

- A Dr. Mahathir Mohamad
- B Mahatma Gandhi
- C Nelson Mandela
- D Rashid Rida

[Lihat halaman sebelah

20. Rancangan Buku Merah telah dilancarkan pada 25 Januari 1961.

- Mengapa Rancangan Buku Merah diperkenalkan?
- A Membuka tanah baru
  - B Membuka peluang pekerjaan
  - C Menyediakan draf kewangan
  - D Memantau projek pembangunan

21. Apakah maksud negara yang berdaulat?

- A Mempunyai wilayah yang luas
- B Mendapat naungan kuasa besar
- C Memiliki pemerintahan sendiri
- D Mengamalkan sistem demokrasi

22. Bagaimanakah kerajaan mengukuhkan pertahanan negara?

- A Memodenkan aset ketenteraan
- B Memastikan ekonomi meningkat
- C Menyekat kemasukan kuasa asing
- D Menjalinkan hubungan diplomatik

23. Apakah persamaan undang-undang negeri Melayu berikut?

- Hukum Kanun Pahang
- Undang-Undang Johor
- Undang-Undang 99 Perak

- A Mewarisi perundangan Kesultanan Melayu Melaka
- B Menerima pengaruh undang-undang Inggeris
- C Mempunyai ciri-ciri tradisional dan moden
- D Mewujudkan Raja Berperlembagaan

[Lihat halaman sebelah

24. Mengapakah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dipinda pada tahun 1963?

- A Pemisahan Singapura
- B Pembubaran parlimen
- C Pengisytiharan darurat
- D Pembentukan Malaysia

25. Maklumat berikut berkaitan Majlis Raja-Raja.

Majlis Raja-Raja berperanan sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi di negara kita.

Bagaimanakah Majlis Raja-Raja melaksanakan peranan tersebut?

- A Mengesah pelantikan anggota Jemaah Menteri
- B Memberi nasihat berkaitan pelantikan jawatan penting
- C Mempunyai kuasa budi bicara dalam pembentukan kerajaan
- D Memperkenan semua undang-undang yang diluluskan Parlimen

26. Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan peruntukan berkaitan dengan kebebasan asasi.

Apakah bukti negara kita mengamalkan kebebasan asasi dalam beragama?

- I Islam sebagai agama Persekutuan
  - II Sikap diskriminasi terhadap agama lain
  - III Aktiviti keagamaan dijalankan secara tertutup
  - IV Penganut agama lain bebas mengamalkan agama masing-masing
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

27. Manakah antara berikut yang terkandung dalam Senarai Bersama?

- A Perumahan
- B Pertahanan
- C Kerajaan Tempatan
- D Undang-undang Islam

28. Apakah agensi yang ditubuhkan untuk melaksanakan pembangunan tanah berikut?

Menyatukan, memulihkan dan membangunkan tanah kerajaan

- A ECER
- B SCORE
- C FELDA
- D FELCRA

29. Apakah idea pembentukan Malaysia yang diperjuangkan oleh nasionalis Tanah Melayu?

- A Malai Baru
- B Melayu Raya
- C Asia untuk Asia
- D Asia Timur Raya

30. Suruhanjaya Cobbold telah ditubuhkan pada tahun 1962 untuk menjayakan gagasan Malaysia.

Apakah tujuan pembentukan suruhanjaya tersebut?

- A Mengenali tradisi tempatan
- B Meninjau pendapat penduduk
- C Mengadakan hubungan diplomatik
- D Menyediakan rangka perlembagaan

[Lihat halaman sebelah]

31. Apakah faktor kejayaan kemerdekaan negara dan pembentukan Persekutuan Malaysia?

- I Kepelbagai kaum
- II Kesepakatan jadi amalan
- III Pemimpin dan rakyat bermuafakat
- IV Penentangan kumpulan nasionalis

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32. Yang Di-Pertuan Agong telah memperkenankan penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak bin Hussien.

Apakah tanggungjawab majlis tersebut?

- A Menggantung penerbitan akhbar sehingga keadaan tenang
- B Meluluskan rang undang-undang
- C Merangka perlembagaan
- D Mengelakkan keamanan

33. Laporan Rahman Talib dibuat bertujuan untuk penambahbaikan dan dilaksanakan sepenuhnya melalui Kajian Aminuddin Baki.

Perkara manakah berkaitan dengan Kajian Aminuddin Baki?

- A Kokurikulum
- B KBSR dan KBSM
- C Sekolah kebangsaan
- D Pengajaran Bahasa Melayu

[Lihat halaman sebelah]

34. Mengapakah rakyat Malaysia perlu mendukung dan menghormati matlamat memelihara cara hidup demokratik?
- A Mencapai taraf negara maju
  - B Menjamin kebebasan hak asasi
  - C Mencapai kemajuan sains dan teknologi
  - D Menikmati kekayaan negara secara adil dan saksama
35. Matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN) ialah menghapuskan kemiskinan tegar terhadap golongan petani dan nelayan.
- Apakah bantuan yang diberikan oleh kerajaan terhadap golongan tersebut?
- I Subsidi
  - II Sokongan
  - III Perniagaan
  - IV Pemasaran
36. Apakah strategi kerajaan bagi memastikan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) mencapai matlamat untuk menyusun semula masyarakat?
- A Membangunkan industri desa
  - B Memajukan industri pelancongan
  - C Menarik pelabur asing dengan pelbagai insentif
  - D Mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)

TAHAT KARANGAN PELAJARAN

[Lihat halaman sebelah]

37. Malaysia telah menjalinkan hubungan dengan negara Arab Saudi, Mesir, Turki dan Yaman. Apakah faktor mempengaruhi hubungan dengan negara tersebut?
- A Ikatan sejarah
  - B Persekutaran luar
  - C Dasar kepimpinan
  - D Keperluan nasional
38. Mengapakah Malaysia menentang dasar 'Apartheid' yang diamalkan di Afrika Selatan?
- A Afrika Selatan enggan bekerjasama dengan Malaysia dari segi pelaburan
  - B Malaysia menyokong tindakan British menjajah Afrika Selatan
  - C Malaysia bersaing dengan Afrika Selatan dari segi ekonomi
  - D Malaysia memperjuangkan hak asasi manusia
39. Mengapakah Malaysia menukuhkan International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)?
- A Mengukuhkan ekonomi negara
  - B Menggalakkan pelaburan luar negara
  - C Menyokong perkembangan kewangan Islam
  - D Merapatkan jurang ekonomi dalam kalangan masyarakat
40. Manakah antara berikut merupakan langkah proaktif dalam menangani isu hak asasi manusia, pelarian dan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Malaysia?
- A Pelibatan pertubuhan MyCARE
  - B Penubuhan Malaysian Relief Agency (MRA)
  - C Menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
  - D Mewartakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**